

# Mengharmonikan polarisasi agama, politik

*Kesefahaman mendalam mampu kurangkan bibit prasangka, pupuk perpaduan*



**MOHD IZANI  
MOHD ZAIN**

**A**gama dan politik adalah dua perkara penting dalam kehidupan manusia. Namun, agama dan politik juga sering mengundang perdebatan dan polemik. Justeru, ada dalam kalangan kita mahu mengelak daripada berbicara mengenai agama dan politik kerana ia boleh membawa perbalahan dan perbezaan pandangan yang akhirnya menjurus kepada konflik.

Bagaimanapun, kita tidak dapat mengelak daripada menyentuh soal agama dan politik dalam kehidupan. Agama dan politik umpama darah daging yang meresapi tubuh badan manusia. Majoriti manusia mempunyai pegangan agama dan pendirian politik masing-masing. Mungkin hanya segelintir yang tidak memilih mana-mana agama dan menolak politik secara mentah-mentah.

Pada era globalisasi dan dunia tanpa sempadan, identiti semakin kabur. Manusia adalah warga dunia yang sering terdedah dengan interaksi dan pengalaman global. Banyak pihak percaya globalisasi mengikis identiti agama kerana nilai umum dan sejagat semakin diterima.

## Globalisasi perkukuh identiti agama

Namun, dari satu sudut lain, globalisasi juga memperkukuhkan identiti agama dalam kehidupan manusia khususnya Islam. Buktinya, apabila identiti agama semakin dikaburkan dengan nilai umum dan sejagat seperti demokrasi dan hak asasi manusia, manusia mencari semula dan menonjolkan agama sebagai ciri dan identiti mereka.

Dalam erti kata lain, agama menjadi semakin penting oleh penganutnya sebagai satu cara dan kaedah membezakan dengan penganut yang lain. Apatah lagi, nilai umum dan sejagat yang dijaja atas nama demokrasi dan hak asasi manusia mengancam identiti dan jati diri asal mereka.

Usaha memperjuangkan dan memperkukuh kedudukan agama sering menjadi faktor yang boleh mencetuskan polemik, lebih-lebih lagi ia mencabar kepercayaan agama lain yang secara kebetulan membawa faham dan pemikiran berbeza dan cenderung kepada perjuangan liberal.

Malaysia adalah contoh terbaik bagaimana sensitiviti agama semakin kuat dalam konteks globalisasi. Menariknya, geseran antara agama ini berlaku bukan disebabkan perkara pokok, tetapi hal cabang. Mutakhir ini kita dikejutkan dengan bantahan masyarakat Islam di Taman Medan di Petaling Jaya yang menuntut agar tanda salib besar di premis itu diturunkan.

Bantahan itu dibuat atas alasan tanda salib itu boleh mencabar akidah dan kepercayaan majoriti penduduk kawasan itu yang beragama Islam. Peristiwa ini jelas menggambarkan bagaimana rapuhnya hubungan antara agama di Malaysia jika ia tidak ditangani

dengan bijaksana. Soal kecil dan boleh diselesaikan dengan kefahaman ilmu berpotensi menjadi barah dalam masyarakat jika usaha menangani perbezaan agama tidak giat dilaksanakan.

Selain agama, politik juga sering menjadi bahan pengukuh yang membezakan manusia. Malangnya, politik lebih dinilai dari kaca mata parti politik dari melihatnya secara lebih terbuka. Polarisasi politik ini menjadi semakin serius apabila semua perkara dipolitikkan secara sempit sehingga mahu bercakap soal Islam dan Melayu pun dikaitkan dengan parti politik.

Malah, kegiatan politik di negara ini tidak lagi berlandaskan ilmu politik, sebaliknya emosi dan amarah yang memperkukuhkan perbezaan fahaman politik dalam masyarakat. Terlalu banyak slogan cuba dicadangkan pemimpin politik seperti politik budiman dan sebagainya, namun politik tetap dinilai dari kaca mata parti politik yang sempit.

Memelihara peranan agama dan politik amat penting dalam memastikan kehidupan manusia yang harmoni. Justeru, Islam memperakukan agama dan politik tidak boleh dipisahkan. Konsep din wa daulah atau agama dan politik ini disokong oleh beberapa ulama dan

pemikir Islam, antaranya Imam Al-Ghazali yang menyifatkan hubungan antara agama dan politik umpama dua sisi dalam satu syiling.

## Urus kepelbagaian

Selain Islam, kepercayaan lain pastinya turut mempunyai pendirian sama, iaitu mahu memastikan kehidupan manusia perlu dilandaskan dengan kebaikan agama dan kejelasan tadbir urus kehidupan. Wacana dan perbincangan secara ilmiah perlu dipergiatkan dalam menyokong usaha mewujudkan keharmonian dalam masyarakat.

Bagi merencanakan kefahaman masyarakat Malaysia yang berbilang kaum mengenai perbezaan agama dan politik ini, seminar 'Government and Civilization 2 (SOGOC 2)' anjuran Fakulti Ekologi

Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan diadakan pada 10 dan 11 Ogos 2015 ini.

Ia diharapkan memberi ruang untuk pelbagai pihak mencari jalan bagaimana menguruskan kepelbagaian ini dengan lebih efektif. Kesefahaman melalui program ini dijangka dapat mengurangkan bibit prasangka dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Diharapkan idea baharu yang diketengahkan dalam seminar ini nanti akan dapat diambil perhatian oleh pihak berwajib dan berkepentingan sebagai dasar awam dan dasar memelihara keharmonian negara.



## Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

## SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan  
Kumpulan NSTP  
Datuk Abdul Jalil Hamid  
jalil@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
Datuk Mahfar Ali  
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
Badrulhisham Othman  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran/e-Paper  
Rosli Safar  
rosli@bh.com.my

BH  
diterbitkan oleh The New  
Straits Times Press (M) Bhd,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur,  
Tel: 1-300-22-6787  
Faks: 03 20567081  
Laman Web:  
www.bharian.com.my  
E-mel:  
bhrencana@bh.com.my